


# 'Saya sihat, jangan bimbang'



Oleh ABDUL RAZAK DIN

UM - 14/5/2007.

LUMUT 13 Mei - "Saya sihat. Jangan bimbang," kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika menafikan laporan yang disebarkan dalam Internet kononnya beliau pengsan semasa menghadiri majlis jamuan rakyat dan perasmian Dataran Hadhari di Teluk Batik di sini tengah hari ini.

Perdana Menteri menyatakan demikian kepada pemberita sebelum menghadiri majlis penutup program permukiman Kelab Penyokong Barisan Nasional (BNBBC) di Pangkor Laut Resort, Pulau Pangkor dekat sini malam ihi.

Sambil tersenyum dan dengan wajah segar, Perdana Menteri yang berbaju batik warna merah menjelaskan, semasa kejadian, beliau hanya berasa pening disebabkan cuaca yang terlalu panas serta kekurangan tidur.

"Barangkali saya letih, mungkin sebab semalam tidak cukup tidur dan cuaca ketika majlis berlangsung juga begitu panas. Panas... itu saja. Lain tak ada apa," katanya.

Menurut Abdullah, apa yang berlaku sebenarnya ialah beliau berasa sungguh letih dan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Mohd. Tajol Rosli Ghazali berada di sebelahnya pada majlis di Teluk Batik itu.

"Masa saya sedang berucap, (keadaan cuaca) panas sungguh. Masa itu saya telah habis buat ucapan. Memang saya tak cakap panjang sebab sudah masuk waktu untuk makan.

"Saya rasa panas sangat, oleh itu saya berhenti dan saya duduk. Selepas itu, saya dipanggil semula untuk memberi kunci (kepada pemilik rumah program komuniti BN-BBC) dan saya bangun memberikan kunci.

"Selepas itu berasa letih dan Datuk Seri Tajol nampak (keadaan) macam saya tidak elok dan meminta saya duduk," katanya.

## Sambungan dari muka 1

Perdana Menteri berkata, selepas itu ramai yang mengerumuninya kerana takut terjadi apa-apa kepada beliau.

"Mereka membuka kasut saya, buka topi, bagi kipas dan keperluan lain. Akhirnya saya rasa sedikit lega. Selepas buka topi, saya rasa sejuk badan disebabkan rasa berkuap tadi.

"Selepas itu saya sambung memberikan kunci kepada penerima yang belum lagi menerima kunci (rumah)," katanya.

Ditanya mengenai dakwaan kononnya beliau pengsan seperti yang dilaporkan dalam Internet, Abdullah berkata: "Laman blog tak nampak apa yang berlaku."

Perdana Menteri berkata, selepas insiden itu jadual kerjanya di Teluk Batik diteruskan dan tidak ada sebarang pembatalan.

Sementara itu, ketika berucap menutup program pemukiman BNBBBC itu yang dihadiri lebih 100 orang ahli Parlimen, Abdullah mengulangi cerita apa yang berlaku tengah hari ini.

## 'Saya sihat, jangan bimbang'

Um - 14/5/2007

Beliau berkata, setelah mendapat rawatan, doktor memintanya supaya tidak bermain golf selepas majlis makan tengah hari walaupun kesihatannya baik.

"Doktor kata 'you have to rest' pasal kerja kuat sangat," kata Perdana Menteri.

Sehubungan itu, Abdullah meminta wakil rakyat

BN bekerja secara bijak dengan memberi masa yang berkualiti kepada rakyat dan dalam masa yang sama mereka juga perlu menjaga kesihatan.

"Wakil rakyat kena sihat kalau tidak nanti ada *by-election* (pilihan raya kecil)," kata Abdullah secara berseloroh.

Beliau berkata, adalah menjadi tugas dan tanggungjawab wakil rakyat untuk mendengar masalah rakyat dan bersungguh-sungguh dalam membantu pengundi yang mereka wakili.

Esok, Perdana Menteri akan menghadiri majlis dialog tertutup dengan BN-BBC di Pangkor Island Resort pada sebelah pagi.

Abdullah tiba di sini pagi ini untuk menyertai Program Khidmat Komuniti dan menutup Program Pemukiman BN-BBC 2007.

Sebelum itu beliau menyertai anggota BNBBBC dalam kerja gotong-royong membina tiga buah rumah penduduk yang menerima bantuan di bawah Program Khidmat Komuniti BNBBBC di Kampung Tanjung Burung, Ujung Pasir di Pantai Remis.

Perdana Menteri kemudian meneruskan kerja gotong-royong dengan menanam pokok di Kampung Batu 4, Segari dekat sini sebelum ke Teluk Batik untuk menutup Program Khidmat Komuniti dan menyertai majlis jamuan rakyat.

Pada majlis gotong-royong itu, Abdullah turut menyertai kerja-kerja mengecat dan memasang cermin tingkap salah sebuah rumah penduduk miskin yang terlibat dalam program itu.

Sementara itu, doktor peribadi Perdana Menteri, Dr. Sanjiv Joshi berkata, pemeriksaan yang dijalankan mendapati Abdullah tidak mengalami sebarang masalah kesihatan.

"Keadaan beliau sebenarnya adalah normal dan beliau boleh bermain golf kalau beliau mahu," katanya.

Dalam pada itu, Tajol Rosli memuji anggota-anggota Unit Tindakan Khas (UTK) yang bertindak cepat memberi bantuan kecemasan bagi memulihkan kesihatan Abdullah.

"Saya nampak beberapa orang anggota UTK menanggalkan topi Perdana Menteri. Difahamkan topi itu terlalu ketat dan ia menyebabkan peredaran udara di bahagian kepala terganggu, tambahan pula cuaca terlalu panas," katanya.